



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية

UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI  
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

**Fakulti Syariah dan Undang-Undang  
Semester I, Sesi Akademik 2020/2021**

**Kertas Soalan  
Peperiksaan Akhir**

**Kod Kursus**

**: SD0308**

**Nama Kursus**

**: Siyasah Syar'iyyah**

**Peringkat Kursus**

**: Diploma Tertinggi Kebangsaan**

**Masa**

**: 3 jam**

**Arahan:**

Jawab **SEMUA** soalan.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

### **SOALAN 1 (15 Markah)**

Menurut Syeikh ‘Abd al-Wahhab Khallaf, Siyasah Syar‘iyyah ialah menjalankan pentadbiran awam sebuah negara Islam berdasarkan sesuatu yang menjamin kebaikan dan mengelakkan keburukan di mana ia tidak terkeluar dari batas-batas syariat dan dasar-dasar umumnya walaupun perkara itu tidak menepati pendapat para imam mazhab.

Bincangkan perkara-perkara berikut:

- (a) Huraikan hujah yang membolehkan penggunaan Siyasah Syar‘iyyah berserta dua (2) dalil. (5 Markah)
- (b) Nyatakan apakah garis panduan yang ditetapkan oleh para ulama bagi menjamin konsep Siyasah Syar‘iyyah dapat dikekalkan? (5 Markah)
- (c) Jelaskan dengan terperinci fungsi syura dalam memastikan perlaksanaan Siyasah Syar‘iyyah berdasarkan kepada syarat-syarat yang dikehendaki oleh syarak. (5 Markah)

### **SOALAN 2 (15 Markah)**

- (a) Rasulullah Sallallahu Alaihi wa Sallam telah mengaplikasikan beberapa kaedah yang menjadi dasar pentadbiran negara Islam sehingga kini. Huraikan kaedah-kaedah yang tersebut di bawah berserta satu (1) dalil bagi setiap kaedah.
  - i. Ijtihad hakim menghilangkan perselisihan. (3 Markah)
  - ii. Niat yang baik tidak boleh menghalalkan yang haram. (3 Markah)
- (b) Tugas utama seorang ketua negara ialah menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya. Jelaskan dengan terperinci perkara-perkara berikut:

- i. Empat (4) kriteria seorang ketua negara yang ditetapkan oleh syarak.  
(4 Markah)
- ii. Kemudian terangkan ciri-ciri pendapat ketua negara yang terpuji.  
(5 Markah)

### **SOALAN 3 (15 Markah)**

Siyasah Syar‘iyyah merangkumi aspek pentadbiran dan pemerintahan negara seperti kewangan, sosial, kemasyarakatan dan sebagainya. Bincangkan perkara-perkara berikut berserta contoh yang relevan.

- (a) Keadilan dalam prosedur pelaksanaan undang-undang Islam dari aspek jenayah dan sivil.  
(7 Markah)
- (b) Aktiviti-aktiviti yang wajib dilaksanakan untuk menjana sumber pendapatan dan hasil pengeluaran negara.  
(8 Markah)

### **SOALAN 4 (15 Markah)**

Hubungan diplomatik memberikan sumbangan yang besar dalam mengeratkan kerjasama antara dua negara sahabat dalam aspek keamanan dan keselamatan.

Bincangkan perkara-perkara berikut:

- (a) Islam mewajibkan aspek keamanan dalam hubungan diplomatik.  
(5 Markah)
- (b) Fungsi hubungan diplomatik dalam menjamin sistem perundangan tempatan.  
(5 Markah)
- (c) Sumbangan hubungan diplomatik dalam penyebaran dakwah Islam.  
(5 Markah)